

06 MAY 1998

Sabbaruddin-Logo

LOGO HARI KEBANGSAAN 1998 GAMBARKAN ASPIRASI RAKYAT

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Logo Hari Kebangsaan 1998 menggambarkan aspirasi serta tanggungjawab rakyat membina negara ke arah kecemerlangan dalam semua aspek kehidupan sosial, ekonomi dan politik.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik memperkenalkan logo berkenaan pada persidangan berita di sini, hari ini.

Logo itu dipilih oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad daripada 11 karya yang dikemukakan kepada beliau semasa mesyuarat Jemaah Menteri Rabu lepas.

Logo itu dicipta oleh pelukis Kamarul Khazim Haji Sulaiman dari Taman Setiawangsa di sini yang berkhidmat dengan sebuah syarikat akhbar.

Sabbaruddin berkata 11 logo itu dipilih daripada 200 ciptaan yang dianggap baik menerusi pertandingan mencipta logo Hari Kebangsaan 1998. Sebanyak 3,184 ciptaan diterima oleh urusetia pertandingan itu.

Sabbaruddin yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pusat Perayaan Hari Kebangsaan 1998 berkata konsep logo yang terpilih itu sesuai dengan tema Hari Kebangsaan tahun ini iaitu "Negara Kita Tanggungjawab Kita".

Sabbaruddin berkata pemenang pertandingan itu akan menerima hadiah wang tunai RM5,000 manakala 10 pemenang saguhati kategori dewasa akan menerima RM700 setiap seorang, hadiah sagu hati bagi kategori sekolah menengah ialah sebanyak RM400 bagi setiap lima pemenang dan RM200 bagi setiap lima pemenang kategori sekolah rendah.

Beliau berkata rekebentuk logo itu menggunakan tiga bulatan merangkumi warna asas bendera Malaysia berserta dengan bintang 14 bucu melambangkan 13 negeri dan Wilayah Persekutuan di negara ini.

Bulatan biru berbentuk lembaga manusia menjunjung wawasan serta kedaulatan negara, warna putih melambangkan keharmonian rakyat, merah mencerminkan usaha kerajaan membentuk wawasan negara dan kuning melambangkan kedaulatan negara, katanya

Sambutan Hari Kebangsaan peringkat nasional tahun ini akan diadakan di kampus Universiti Sains Malaysia (USM) di Pulau Pinang dengan kerajaan memperuntukkan sebanyak RM4 juta untuk tujuan itu.

Sementara itu Kamarul Khazim, 27, ketika dihubungi oleh BERNAMA berkata beliau tidak menyangka logo ciptaannya akan dipilih sebagai logo Hari Kebangsaan 1998.

Beliau yang berkhidmat dengan Utusan Melayu (Malaysia) Sdn Bhd sebagai pelukis sejak lima tahun lepas dan masih bujang berhasrat menggunakan wang hadiah itu untuk perbelanjaan perkahwinannya. -- BERNAMA

AKT PR